# LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

JALAN MAWAR MERAH 2, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM

CERTIFIED ISO 9001 UKAS MANAGEMENT SYSTEMS 001
00016368

Rujukan / *Reference* : LPJ/IP/OPS/24JLD3(69)

Tarikh / *Date* : 31 Mei / *May* 2021

**NOTIS PELABUHAN BIL. 06 / 2021**
*PORT NOTICE NO. 06 / 2021*

KEPADA: **PEMAKLUMAN KEPADA OPERATOR PELABUHAN, EJEN PERKAPALAN, EJEN PENGHANTARAN, *PENGHANTAR FRET,* PERSATUAN-PERSATUAN, PEMILIK JETI PERSENDIRIAN, FERI TERMINAL, OPERATOR DEPOH DAN PENGGUNA-PENGGUNA PELABUHAN.**

TO: *NOTIFICATION TO PORT OPERATOR, SHIPPING AGENT, FORWARDING AGENT, FREIGHT FORWARDER, ASSOCIATION, PRIVATE JETTY, FERRY TERMINAL, DEPOT OPERATOR AND PORT USER.*

PERKARA: **PERLAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP):**
- **OPERASI PELABUHAN PASIR GUDANG DAN PELABUHAN TANJUNG PELEPAS.**
- **OPERASI TERMINAL DAN JETI WAJIB MEMATUHI SENARAI PERKHIDMATAN PERLU.**

*SUBJECT:* *IMPLEMENTATION OF MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO):*
- *OPERATION PASIR GUDANG PORT AND PORT OF TANJUNG PELEPAS.*
- *TERMINAL AND JETTY OPERATION SHALL COMPLY WITH ESSENTIAL SERVICE LIST.*

---

1. Berikutan peningkatan kes *COVID-19* secara mendadak sejak kebelakangan ini, Kerajaan akan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula 01 hingga 14 Jun 2021 sebagai usaha berterusan untuk mengekang dan memutuskan rantaian penularan jangkitan *COVID-19.*

2. Di dalam tempoh PKP tersebut, adalah dimaklumkan bahawa Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas akan beroperasi di tahap optimum berdasarkan kepada keperluan bagi memastikan aktiviti import, eksport dan hubungan logistik sedia ada tidak akan terjejas.

*1. In view of the recent increase in COVID-19 cases, the Government will enforce the nationwide Movement Control Order (MCO) effective from 01 until 14 June 2021 as continuous effort to curb and break the chain of COVID-19 infection.*

*2. During the MCO period, kindly be informed that Pasir Gudang Port and Port of Tanjung Pelepas will operate at optimum levels based on the requirements to ensure that existing import, export and logistics activities will not be affected.*

3. Berikutan daripada perlaksanaan PKP juga, hanya terminal dan jeti yang operasinya tersenarai sebagai perkhidmatan perlu dibenarkan beroperasi. Lain-lain terminal dan jeti yang operasinya tidak tersenarai sebagai perkhidmatan perlu dikehendaki untuk menghentikan sementara operasi seperti mana arahan Kerajaan.

*3. Pursuant to the implementation of MCO, only terminals and jetties operation that are listed as essential services are allowed to operate. Other terminals and jetties which operation are not listed as essential services are required to temporarily suspend operations as directed by the Government.*

4. Bagi operasi terminal penumpang, pelancong dan pelawat asing tidak dibenarkan masuk ke semua terminal penumpang selaras dengan prosedur Jabatan Kerajaan berkaitan.

*4. For passenger terminal operation, all foreign tourists and visitors are not permitted entry at all ferry terminals in accordance with relevant Government Department procedure.*

5. Kegagalan mematuhi arahan ini boleh mengakibatkan lesen operasi terminal / jeti persendirian yang dikeluarkan oleh LPJ digantung.

*5. Failure to comply with this order may result in the terminal / private jetty operation license issued by Johor Port Authority be suspended.*

6. Selain itu, bagi memastikan pengendalian dan pengangkutan kargo tidak terganggu, operator pelabuhan, syarikat logistik / pengangkutan dan perkhidmatan berkaitan perlu membuat permohonan untuk beroperasi kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Sistem Maklumat Industri Logistik (SMILE) di laman web https://application.mot.gov.my/

*6. In addition, in order to ensure no disruption of handling and transportation of cargo, port operator, logistics / transportation company and related services shall apply to operate to the Ministry of Transport Malaysia through the* Sistem Maklumat Industri Logistik *(SMILE) in website https://application.mot.gov.my/*

7. Lembaga Pelabuhan Johor akan sentiasa memantau situasi dari semasa ke semasa untuk memastikan sektor perkapalan dan pelabuhan khususnya melibatkan pengendalian kargo tidak terjejas di dalam tempoh PKP.

*7. Johor Port Authority will closely monitor the situation from time to time to ensure that the port and shipping sector especially involving cargo handling will not be affected during MCO.*

8. Di dalam menjalankan operasi harian seperti biasa, pihak pelabuhan, terminal, jeti persendirian dan semua pengguna pelabuhan hendaklah sentiasa mematuhi dan melaksanakan kawalan kesihatan seperti menggunakan cecair pembasmi kuman, memakai peralatan perlindungan diri yang bersesuaian, menjaga jarak fizikal dan menjaga kebersihan pada setiap masa. Imbasan kod *QR* MySejahtera hendaklah dilakukan sekiranya ia diperlukan.

*8. In carrying out the normal daily operation, port, terminal, private jetties operators and all port users shall comply and perform the safety health precautionary measures such as use hand sanitizer, wearing appropriate personal protective equipment (PPE), practice physical distancing and maintaining good hygiene at all times. Scanning of MySejahtera QR Code should be done when required.*

9. Dengan ini, Notis Pelabuhan Bil.05/2021 adalah terbatal.

Terima kasih.

*9. The Port Notice No.05/2021 is hereby revoked.*

*Thank you.*

**PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN**
*PROFESSIONALISM ENHANCES SERVICE*


**KAMARUZAMAN BIN HAJI MUNASIR**
Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Johor.
*General Manager,*
*Johor Port Authority.*
kamaruzaman@lpj.gov.my


No. dokumen / *Doc Number*: 188687